

mudah  
jobs

# LAPURAN MUDAH JOBS

Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, tenaga buruh Malaysia terdiri daripada 15.77 juta pekerja sehingga Disember 2019<sup>1</sup>. Angka ini merangkumi berjuta-juta guru serta juruteknik, kerani dan chef yang diperlukan bagi membentuk asas ekonomi yang berjaya.

Laporan Mudah Jobs mengupas keadaan semasa; namun begitu, masa depan dunia pekerjaan semakin berubah di Malaysia dan di luar negara. Walaupun peranan popular serta penting seperti pemandu, kerani dan juruteknik akan terus membentuk asas tenaga kerja Malaysia, teknologi, peranan pekerjaan, serta cara bekerja baharu akan mewujudkan peluang baharu untuk para perkerja di segenap sektor ekonomi.

Sudah tentu, cara kita bekerja kian berubah, kerana teknologi membuka lebih banyak peluang ekonomi. Kemajuan peralatan digital, aplikasi, dan syarikat-syarikat beroperasi secara digital memerlukan kemahiran pekerja yang boleh digunakan merentasi sebarang industri dan sektor.

**“ Walaupun majoriti portal pekerjaan sekarang memenuhi keperluan untuk pekerja kategori profesional, Mudah Jobs berhasrat untuk merapatkan jurang di antara pekerja separuh mahir dan kemahiran rendah. ”**

<sup>1</sup> Department of Statistics Malaysia, "Principal Statistics of Labour Force, Malaysia, Fourth Quarter (Q4) 2019", dosm.gov.my, [https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthemebByCat&cat=149&bul\\_id=Z1VDRGt3ZFluOVZLWjF3UnJaNHdPGT09&menu\\_id=U3VPMldoYUxzVzFaYmNkWXZteGduZz09](https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthemebByCat&cat=149&bul_id=Z1VDRGt3ZFluOVZLWjF3UnJaNHdPGT09&menu_id=U3VPMldoYUxzVzFaYmNkWXZteGduZz09) (accessed February 28, 2020)



## METODOLOGI

---

Laporan Mudah Jobs adalah berdasarkan data dari iklan yang disenaraikan di bawah kategori 'Jobs' dari tempoh Januari hingga Oktober 2019. Semua data yang disertakan dalam laporan ini diperolehi daripada analisis senarai iklan dalaman Mudah.my kecuali dinyatakan sebaliknya.

# Menjana Pendapatan Melalui Ekonomi

Malaysia berlumba ke arah mencapai status berpendapatan tinggi, tetapi negara ini masih perlu mengharungi beberapa cabaran sebelum kita tiba ke garisan penamat. Tenaga kerja negara adalah satu bahagian penting dalam perjalanan itu. Kira-kira lebih daripada satu perempat, atau 4.2 juta pekerja, kini memegang jawatan dengan peranan pekerjaan mahir di Malaysia.<sup>2</sup> 8.9 juta rakyat Malaysia beroperasi dalam peranan separa mahir, dan 2 juta bekerja dalam kemahiran rendah. Dengan gabungan jumlah pekerja separuh mahir dan berkemahiran rendah, Mudah.my berhasrat untuk menjadi portal pilihan yang mampu menawarkan jawatan-jawatan tersebut di Malaysia.



## Kolar Merah Jambu

Pekerja mahir, separuh mahir dan berkemahiran rendah dalam peranan berorientasikan penjagaan serta mereka yang secara tradisinya merupakan sektor yang dikuasai oleh wanita seperti penjagaan rumah, kejururawatan, pendidikan, kecantikan, atau penjagaan anak.



## Kolar Biru

Pekerja mahir, separuh mahir dan berkemahiran rendah yang umumnya beroperasi dalam peranan manual seperti pengeluaran, perlombongan, pembinaan, perkapalan, dan pemanduan.



## Kolar Putih

Peranan profesional, pengurusan atau pentadbiran, umumnya beroperasi di pejabat, dalam industri seperti kewangan, perakaunan, pemasaran, sumber manusia, dan perundangan.



<sup>2</sup> Department of Statistics Malaysia, "Principal Statistics of Labour Force, Malaysia, Fourth Quarter (Q4) 2019", [https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthemByCat&cat=149&bu\\_id=Z1VDRGt3ZFluOVZlWjF3UnJhNHdPQT09&menu\\_id=U3VPMldoYUxzVzFaYmNkWXZteGduZz09](https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthemByCat&cat=149&bu_id=Z1VDRGt3ZFluOVZlWjF3UnJhNHdPQT09&menu_id=U3VPMldoYUxzVzFaYmNkWXZteGduZz09) (accessed February 28, 2020)

# Jawatan Popular yang Diiklankan

1. Pentadbir – Pembantu/Kerani

2. Juruteknik

3. Pembantu Jualan/‘Promoter’

4. Pemandu Lori

5. F&B - Kru

6. Servis Penghantaran/‘Dispatch’

7. Pereka Grafik

8. Perkhidmatan Pelanggan

9. Eksekutif Akaun

10. Guru

## Jawatan Dengan Carian Tertinggi

Seperti mana-mana pasaran, pasaran buruh berkait rapat dengan bekalan dan permintaan. Jadi apakah yang boleh laporan ini maklumkan tentang cara-cara Mudah.my beroperasi? Kami telah meneroka jawatan yang paling kerap dicari serta peranan jawatan yang paling banyak disenaraikan.



Sudah jelas kategori pekerjaan apa yang mendorong carian pekerjaan di Mudah.my - pemandu! Ini belum mengambil kira peranan ‘dispatch’, atau servis penghantaran – carian pekerjaan yang paling popular! Ini menunjukkan bahawa kerja-kerja berkaitan pemanduan dan penghantaran memainkan peranan penting dalam mempengaruhi data carian pekerjaan Mudah.my.

Dengan anggaran 160,000<sup>3</sup> pemandu e-hailing di Malaysia, dan lebih daripada 23,000 ‘dispatch’ yang bekerja di bawah perkhidmatan penghantaran makanan di Lembah Kelang sahaja, menunjukkan dengan jelas bahawa ‘Pemandu’ merupakan pekerjaan yang memainkan peranan penting di Mudah.my.

Pentadbir, juruteknik dan kerani juga termasuk dalam senarai ini, diikuti dengan akauntan dan jurutera.

**Kerja berunsurkan ‘Pemandu’ muncul tiga kali dalam senarai 10 teratas, yang membawa maksud ia mewakili 30% dari pekerjaan yang mempunyai kadar carian paling tinggi.**



<sup>3</sup> Buang, Salleh, New Straits Times, “Regulating the Gig Economy”, NST.com.my. <https://www.nst.com.my/opinion/columnists/2019/11/534683/regulating-gig-economy> (accessed February 28, 2020)

# Bayaran Purata untuk Pekerjaan Paling Popular dalam Mudah.my

Peranan mekanik yang memerlukan kemahiran mempunyai purata gaji RM3,000, sekaligus menjadikan ia jawatan dengan purata gaji tertinggi berdasarkan analisis. Ini mungkin bukan satu kejutan besar di negara di mana sektor pengeluaran membentuk kira-kira satu perempat (26%)<sup>4</sup> daripada semua pekerjaan sektor swasta.

Tidak ketinggalan jauh di belakang ialah promoter runcit dan jualan, dengan tawaran purata gaji berjumlah RM2,610.



Rakyat Malaysia amat menggemari makanan! Ini terbukti kerana jawatan Chef mempunyai gaji purata RM2450, dan menurut analisis Mudah.my, secara langsung meletakkannya di tangga ketiga dan satu tangga di atas kadar gaji median Malaysia iaitu RM2,308.<sup>5</sup> Sementara itu, gaji purata bagi pelayan dan kru F&B ditawarkan pada kadar purata yang sedikit rendah iaitu RM1,770.

Bagi sektor penghantaran, tawaran gaji pemandu lori berada di atas gaji median kebangsaan pada RM2,330. Servis penghantaran ataupun 'dispatch' pula ditawarkan gaji purata yang lebih rendah iaitu RM 2,100.

Jangan dilupakan jasa mereka yang membentuk bakal pemimpin negara – guru-guru tadika. Gaji purata yang ditawarkan untuk guru tadika di Mudah.my ialah RM1,700.

<sup>4</sup> Department of Statistics Malaysia, "Employment Statistics Fourth Quarter 2019", DOSM.gov.my, [https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthemByCat&cat=439&bul\\_id=U0JHUEQ4aUV2dUlreXJlRUIkUy81Zz09&menu\\_id=Tm8zcnRjdVRNWWlpWjRlbnRlDk1UT09](https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthemByCat&cat=439&bul_id=U0JHUEQ4aUV2dUlreXJlRUIkUy81Zz09&menu_id=Tm8zcnRjdVRNWWlpWjRlbnRlDk1UT09) (accessed February 28, 2020)

<sup>5</sup> Department of Statistics Malaysia, "Salaries & Wages Report, Malaysia 2018", DOSM.gov.my, <https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/pdfPrev&id=cTNsWU5yd291RmNiQnQvdklFNGFEZz09> (accessed February 28, 2020)